

**Dr Mahathir masih berpengaruh dalam Umno, kata penganalisis
Malaysian Insider
March 2, 2016**

Walaupun beberapa pemimpin Umno mengatakan pengunduran Tun Dr Mahathir Mohamad tidak menjejaskan parti, namun tindakan bekas perdana menteri itu mampu mengubah pengaruh dalam parti Melayu itu, kata penganalisis politik Prof Madya Datuk Dr Samsul Adabi Mamat.

Samsul memberitahu akhbar Sinar Harian, ini kerana bekas perdana menteri paling lama berkhidmat itu merupakan seorang tokoh dan ikon pemimpin negara yang jelas memiliki pengaruh tersendiri.

“Namun begitu, kemungkinan juga pengaruh di dalam Umno pasti akan berubah bentuknya kerana ada juga yang menyokong Dr Mahathir, terutamanya dalam beberapa isu berkaitan perdana menteri,” katanya kepada Sinar Harian.

“Sekarang ini dalam pergerakan Tun Mahathir, amat jelas beliau sebenarnya memprotes kepimpinan Najib, jadi secara terang-terangan mahu peralihan kuasa pucuk pimpinan dalam Umno.”

Semalam, Setiausaha Agung Umno Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor berkata tindakan Dr Mahathir keluar daripada parti tidak menjejaskan kerana mereka menerima peningkatan keahlian pada setiap bulan.

Samsul berkata, pengaruh Dr Mahathir yang tersendiri itu jugalah yang akan memberi kesan pada situasi semasa politik negara jika beliau menubuhkan satu gerakan bagi menyingkirkan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak.

“Tetapi secara peribadi, saya merasakan kedudukan Najib tidak akan tergugat kerana ada kumpulan penyokong ‘mainstream’ (utama) akan terus mempertahankan beliau dan Umno,” katanya. – 2 Mac, 2016.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianoutsider.com/bahasa/article/dr-mahathir-masih-berpengaruh-dalam-umno-kata-penganalisis>